

Headline	Ford menghargai alam		
MediaTitle	Kosmo		
Date	09 Jan 2013	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	115,967
Page No	27	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	522 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,539
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,616



Ford Motor Company baru-baru ini mengumumkan lapan penerima Geran Pemuliharaan dan Alam Sekitar 2012 yang keseluruhan berjumlah RM150,000.

**S**YARIKAT pemotoran, Ford Motor Company mengumumkan pemenang program Geran Pemuliharaan dan Alam Sekitar 2012 di Malaysia dengan menerima RM150,000 pada pertengahan Disember lalu.

Pemberian geran itu membolehkan pihak penerima melaksanakan program hijau masing-masing.

"Program ini merupakan salah satu daripada cara Ford berusaha memulihara alam sekitar dan meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat di tempat kami beroperasi," ujar Pengurus Serantau Asia Pasifik, Bahagian Operasi Eksport dan Pertumbuhan, David Westerman.

Tambahnya, ciri paling menarik mengenai program tersebut adalah ia secara-tidak langsung dapat menyatukan semua pihak yang terdiri daripada komuniti Ford, pelanggan dan kumpulan masyarakat.

Dana geran yang diberi akan digunakan dalam projek sebenar dan positif terhadap alam sekitar sekali gus dapat meningkatkan kualiti hidup masyarakat.

Sebuah panel juri bebas ditubuhkan bagi menentukan penerima geran tersebut. Antara ahlinya ialah Pengarah Pemuliharaan WWF-Malaysia, Dr. Sundari Ramakrishna, Pengurus Besar Wild Asia, Gonthong Lourdesamy dan



FORD menunaikan tanggungjawab sosial dengan menyumbangkan RM150,000 untuk pelbagai pertubuhan bagi menjalankan projek pemuliharaan alam sekitar.

**Pengarah Bahagian Perhutanan dan Alam Sekitar di Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM), Dr. Ismail Harun,**

Wakil daripada Ford pula ialah Pengurus Jualan Kebangsaan, R. Veemala.

Program Geran Pemuliharaan dan Alam Sekitar dilancarkan pada peringkat global pada tahun 1983. Ford

telah menyampaikan geran berjumlah lebih AS\$2 juta (RM6.09 juta) kepada pelbagai projek alam sekitar di 60 buah negara.

Negara-negara yang pernah mendapat manfaat tersebut selain Malaysia ialah Caribbean, Puerto Rico dan juga negara-negara yang berada di rantau Asia Pasifik, Amerika Tengah serta Asia Barat.

### Info

#### Penerima geran di Malaysia

- 1. Kelab Alami (RM15,000)**  
Projek: Ranger Belia
- 2. EcoKnights (RM25,000)**  
Projek: Bengkel alam sekitar sempena Festival Film Alam Sekitar Malaysia, Anugerah Hijau
- 3. Tatana Roots (RM30,000)**  
Projek: Mendidik masyarakat Dusun Tatana di Sabah dalam memulihara ekosistem di tempat mereka
- 4. Pertubuhan Muafakat Warga Desa (RM25,000)**  
Projek: Mendidik masyarakat dalam memulihara hutan paya bakau
- 5. Sekolah Antarabangsa Dalat (RM8,000)**  
Projek: Pendidikan kepada para pelajar mengenai akuafonik
- 6. Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam (RM2,000)**  
Projek: Bio Pores – tanaman pokok seluas 100 hektar menggunakan baja kitar semula
- 7. Pendidikan Alam Sekitar (RM25,000)**  
Projek: Memulihara sungai dan hutan paya bakau di sekitarnya.